

Generasi pasca-DEB mesti kuasai pertanian

Oleh MOHD NAHAR MOHD ARSHAD

UM - 28/11/2006

PELUANG mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2006 tidak harus dilepaskan kerana sektor pertanian di negara ini menjanjikan prospek pulangan yang besar untuk mereka yang berminat menjadi usahawan tani yang berjaya.

Kerajaan telah menggerakkan pelbagai usaha ke arah mencapai matlamat tersebut. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM250 juta bagi menjayakan Program Usahawan Tani. Golongan siswazah yang masih belum bekerja perlu merebut peluang ini untuk menjadi siswazah tani yang bergelar jutawan.

Anggapan bahawa sektor pertanian tidak menjanjikan pulangan yang lumayan adalah suatu persepsi yang silap. Jika kita pandai mengintai peluang dan menjalankan aktiviti pertanian dengan cara dan kaedah yang sistematik, pastinya kita tidak akan kecewa.

Fakta ini terbukti apabila sudah ramai usahawan tani kini yang bergelar jutawan. Malahan, syarikat-syarikat berasaskan sektor pertanian yang tersenarai di Bursa Malaysia terus utuh bertahan meskipun Malaysia menempuh pelbagai suasana dan transformasi ekonomi semenjak merdeka.

Keyakinan para pelabur dalam syarikat-syarikat ini membuktikan betapa sektor tani mampu menjadi salah satu tunjang penting ekonomi Malaysia.

Kita perlu sedar bahawa galakan kerajaan melalui pelbagai insentif yang disalurkan melalui agensi-agensinya sahaja tidak akan mampu menjayakan hasrat memperkasakan sektor tani jika tanpa minat golongan muda untuk turut serta.

Generasi muda Melayu terutamanya, perlu sedar akan hakikat ini. Orang Melayu yang pada suatu ketika begitu sinonim dengan sektor pertanian wajar tidak terlepas peluang kali ini. Gelombang sektor pertanian sekali ini wajar dijadikan tapak untuk melahirkan lebih ramai jutawan tani Melayu.

Kita tidak mahu keadaan di mana "yang dikejar tak dapat dan yang dikendong berciciran" terjadi ke atas generasi pasca Dasar Ekonomi Baru (DEB) Melayu. Ini kerana, ramai muda-mudi Melayu telah berhijrah ke sektor-sektor lain seperti perindustrian dan perkhidmatan.

Namun, penguasaan Melayu dalam sektor-sektor tersebut masih bersifat 'kecil dan sederhana' dan majoriti hanya terlibat sebagai pekerja - makan gaji. Lebih sedih lagi apabila sektor tani yang dahulunya didominasi oleh golongan Melayu, kini semakin dilupakan oleh generasi mudanya.

Majoriti petani adalah golongan warga emas. Rata-rata mereka merupakan generasi sebelum DEB. Usia ini bukanlah tahap usia yang produktif untuk memikul harapan kerajaan untuk memperkasakan sektor pertanian.

Keengganan golongan muda terlibat dalam sektor tani turut mengakibatkan migrasi bandar yang tinggi. Selain itu, ketidaksinambungan usaha dua generasi ini turut menimbulkan isu tanah terbiar. Akibatnya, tanah-tanah ini akan diambil alih oleh pihak-pihak lain yang tahu 'mengharganya'.

Tambahan lagi, kurangnya minat golongan muda untuk bergiat dalam sektor pertanian turut dilihat mampu menjejaskan daya kompetitif Malaysia untuk bersaing dalam sektor ini dengan negara-negara lain terutamanya Indonesia.

Ini terjadi akibat kos mengimport tenaga buruh asing yang semakin tinggi mutakhir ini. Akibatnya, kos pengeluaran sektor tani menjadi lebih tinggi relatif dengan negara-negara lain.

Sebanyak 35 peratus kos pengeluaran di ladang-ladang ini adalah untuk membayar gaji pekerja asing, levi, perbelanjaan perubatan dan kos-kos lain untuk mengupah mereka.

Beban kos ini akan dapat dikurangkan jika lebih ramai golongan muda tempatan menyertai sektor tani selain penggunaan kaedah pertanian moden dan berskala besar dilaksanakan.